



Motivasi intrinsik dan kemahiran berfikir kritis dalam pembelajaran sejarah berdasarkan analisis sumber-sumber teks: Satu kajian faktorial

M.Kaviza

Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden,
Universiti Utara Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia
kavizakaviza@yahoo.com

Published: 27 March 2020

Abstrak

Kajian eksperimen dengan reka bentuk faktorial 2×2 ini bertujuan untuk mengkaji kesan pembelajaran sejarah berdasarkan analisis sumber-sumber teksterhadap motivasi intrinsikberdasarkan kemahiran berfikir kritis.Kajian ini melibatkan seramai 111 orang murid Tingkatan Empat dari dua buah sekolah menengah harian di sebuah negeri di utara Semenanjung Malaysia.Instrumen kajian ini terdiri daripada ujian pemikiran kritis dan soal selidik *Intrinsic Motivation Inventory*yang diadaptasi yang telah disahkan oleh pakar penilai dalam bidang sejarah serta mempunyai nilai kebolehpercayaan yang baik.Data kajian ini dianalisis secara deskriptif dan inferensi iaitu ujian-t Sampel Tak Bersandar dan ujian ANOVA Dua Hala.Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan min motivasi intrinsik yang signifikan antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan.Selain itu, dapatkan kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan min motivasi intrinsik yang signifikan bagi murid kemahiran berfikir kritis tinggi (KBKT) antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan.Namun begitu, dapatkan kajian ini turut menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan min motivasi intrinsik yang signifikan bagi murid kemahiran berfikir kritis rendah (KBKR) antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan.Tambahan pula, dapatkan kajian juga mendapati bahawa terdapat kesan interaksi yang signifikan antara kaedah pengajaran dan kemahiran berfikir kritis terhadap min motivasi intrinsik.Kajian diharapkan dapat dijadikan sumber rujukan kepada guru-guru sejarah dalam merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran sejarah yang inovatif berasaskan sumber-sumber teks dengan memberikan perhatian kepada ciri-ciri pemikiran yang wujud dalam diri murid.

Kata kunci: Analisis sumber teks, kajian faktorial, kemahiran berfikir kritis, motivasi intrinsik

Abstract

The experimental study with factorial design 2×2 was aimed to identify the effect of history learning based on the analysis of the text sources on intrinsic motivation based on critical thinking skills. This study involved a total of 111 Form Four students from two secondary schools in a state in the north of Peninsular Malaysia. The adapted thinking test and Intrinsic Motivation Inventory questionnaire which has been verified by content expert and has good reliability value were instrument in this study. The data of this study were analyzed descriptively and inferred such as Independent Sample t-Test and the Two-Way ANOVA Test. The findings showed that there is a significant mean difference in intrinsic motivation between experimental groups and control groups. The findings also showed that there are significant mean difference in intrinsic motivation for students of high critical thinking skills (KBKT) between experimental groups and control groups. However, the findings also indicated that there is no significant mean difference in intrinsic motivation for students of low critical thinking skills (KBKR) between experimental groups and control groups. Furthermore, the findings also found that there was a significant interaction effect between the teaching method and the students' critical thinking skills toward intrinsic motivation. The study is expected to serve as a source of reference to history teachers in planning the innovative teaching and learning activities by using text sources with give attention to the characteristics of the students' cognitive and thinking.

Keywords: Text sources analysis, factorial study, critical thinking skills, intrinsic motivation





PENGENALAN

Pendidikan sejarah telah mengalami reformasi dalam kurikulum baru iaitu Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang bermatlamat untuk memberi kefahaman mengenai masyarakat, negara Malaysia dan dunia dengan memupuk dan memperkuuhkan identiti diri serta semangat setia negara sebagai warganegara Malaysia. Matlamat kurikulum tersebut dapat direalisasikan apabila murid-murid berliterasi sejarah yang dilengkapi dengan pengetahuan, kemahiran, keperibadian dan sebagainya (Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), 2003; 2015). Hal ini kerana proses dan isi kandungan sejarah yang luas telah membolehkan murid-murid dapat memahami sesuatu konsep-konsep dan kemahiran-kemahiran asas serta sentiasa peka dalam menilai maklumat-maklumat sejarah yang diperolehi (Rautianen, Raikkonen, Veijola & Mikkonen, 2019; Claravall, 2017; Wineburg & Reisman, 2015; Puustinen & Khawaja, 2020). Natijahnya, ilmu sejarah didapati mempunyai kaitan dengan tafsiran sumber-sumber teks sejarah bagi membentuk murid-murid yang mempunyai pemahaman sejarah yang mendalam bagi menilai dan membuat hubungkait satu peristiwa dengan satu peristiwa sejarah yang lain secara kritis. Justeru, kepentingan pembelajaran sejarah berdasarkan analisis sumber teks jelas dilihat kepentingannya dalam beberapa dekad kebelakangan ini apabila guru-guru Sejarah telah digalakkan untuk melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran berdasarkan analisis sumber-sumber teks tersebut melalui kaedah pembelajaran berdasarkan penerokaan, kaedah pembelajaran berdasarkan inkuiri, kajian kes dan sebagainya dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah yang bertujuan untuk memberi peluang kepada murid untuk menjalankan penyiasatan dan pengkajian sejarah secara mendalam (PPK, 2003; 2015; Nurcabyo & Djono, 2018; Colby, 2008; Gomez & Saiz, 2017; Wang, Hicks, Quigley & Luther, 2019; Wiley, Griffin, Steffens & Britt, 2019).

Adalah diakui bahawa pembelajaran berdasarkan analisis sumber teks dapat meningkatkan kemahiran berfikir, menjana suatu pemahaman sejarah yang baik dan membentuk pespsi positif murid terhadap proses pengajaran dan pembelajaran sejarah (Nokes, 2014; 2017; Reisman, 2012; Reisman & Fogo, 2016; Lorimer, 2019; Apaolaza-Llorente & Arguero, 2019). Namun, penggunaan sumber sejarah yang kurang diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran telah menyebabkan tahap pengetahuan dan kemahiran analisis kandungan sumber sejarah berada pada tahap memuaskan dalam kalangan murid. Pendapat ini adalah selari dengan dapatan kajian Nersater (2019), Cowgill dan Waring (2017) dan Wineburg (1991) yang telah melaporkan bahawa tahap kemahiran analisis sumber teks dalam kalangan murid masih berada pada tahap rendah walaupun dalam kajian Kaviza, (2018) telah menjelaskan bahawa tahap kesediaan murid dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap terhadap penggunaan sumber sejarah berada pada tahap sederhana yang telah mencadangkan keperluan merancang dan melaksanakan aktiviti pembelajaran berdasarkan penggunaan sumber-sumber sejarah dengan lebih kerap dalam konteks pengajaran dan pembelajaran sejarah. Hal ini kerana murid berasa lebih selesa dengan proses pemerolehan maklumat daripada guru secara pasif dan bersifat sehala di dalam kelas disebabkan oleh mereka kurang bermotivasi untuk melibatkan diri dengan aktiviti pembelajaran yang lebih sukar dan kompleks yang boleh mencabar proses pemikiran yang berbentuk kritis dan analitik (Wineburg, 1991; Rantala & Van Den Berg, 2015; Godwin & Quinlan, 2019). Pada asasnya, sumber teks didefinisikan sebagai bahan-bahan bertulis yang menyediakan maklumat tentang sesuatu peristiwa-peristiwa dan fakta-fakta sejarah yang telah berlaku yang terdiri daripada sumber primer iaitu belum diolah seperti dokumen, rekod, statistik, surat dan lain-lain lagi, manakala sumber sekunder iaitu sudah diolah seperti buku teks, majalah, surat khabar, dan lain-lain lagi (Hazri Jamil, 2003; Brown & Dotson, 2007; Library of Congress, 2019). Justeru, keperluan untuk menerapkan proses pembelajaran sejarah berdasarkan analisis sumber teks adalah digalakkan selaras dengan perkembangan sistem pendidikan yang memberi penekanan kepada elemen kemahiran berfikir dan literasi yang membolehkan murid-murid dapat bersaing pada peringkat tempatan dan antarabangsa (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Sehubungan dengan itu, motivasi intrinsik wujud apabila murid-murid dapat belajar untuk melakukan sesuatu aktiviti pembelajaran dengan berkesan adalah disebabkan oleh keinginan dalaman untuk melakukannya dengan jayanya bukan disebabkan oleh ganjaran yang diberikan (Pintrich & Schunk, 1996; Ryan & Deci, 2001). Hal ini kerana motivasi intrinsik dapat menghasilkan tingkah laku yang positif, memiliki keinginan dan keyakinan dalam menyiapkan sesuatu tugas yang diberikan





bagi meningkatkan pencapaian, kreativiti dan penghargaan kendiri dalam diri masing-masing (Stipek, 1993; Froiland, Oros, Smith & Hirchert, 2012). Penglibatan murid secara aktif dalam proses pembelajaran sejarah dengan menggalakkan proses pembinaan maklumat dan menjadikan murid sebagai pembelajar yang dinamik melalui analisis sumber teks dapat meningkatkan minat dan motivasi yang bersifat proaktif (Mohd Hazli Yah @Alias & Maimun Aqsha Lubis, 2018; Lily Hanefarezan Asbulah, Maimun Aqsha Lubis, Ashinida Aladdin & Musab Sahrim, 2018) berdasarkan Teori Keazaman Kendiri (Deci & Ryan, 1985) yang menerangkan kegembiraan murid terhasil dari dalaman diri mereka melalui tiga dimensi iaitu kompeten, autonomi dan rasa perhubungan. Tambahan pula, aspek kognitif yang dikaitkan dengan proses pemikiran mental dalam kalangan murid perlu diperkayakan dengan motivasi intrinsik melalui pelaksanaan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dapat menggalakkan penerokaan pelbagai maklumat secara menyeluruh dari aspek persepsi, memori, bahasa, komunikasi, penaakulan, membuat keputusan dan sebagainya (Suppiah Naciappan et al, 2009; Arends, 2001). Maka, perhatian yang serius terhadap penjanaan elemen kemahiran berfikir kritis yang dimiliki oleh murid-murid perlu diberikan oleh guru-guru semasa merancang proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas bagi memastikan murid-murid mereka dapat menguasai maklumat yang dipelajari dengan lebih baik dan berkesan.

PERNYATAAN MASALAH

Tidak dinafikan bahawa kajian-kajian lepas seperti kajian Ch'ng, (2005), kajian Fadzillah Sulaiman, (2010), kajian Ambika Luhitadati, Maskun dan Suparman Arif, (2017), Kaviza (2019) telah melaporkan bahawa tahap minat belajar mata pelajaran sejarah adalah memuaskan. Hal ini kerana murid berasa bosan dengan amalan pengajaran dan pembelajaran sejarah yang bersifat hafalan dan berpusatkan guru (Abdul Rahim Abdul Rashid, 2000; Hazri Jamil, 2003; Omardin Haji Ashaari & Yunus Muhammad, 1996). Situasi ini telah menyebabkan dorongan dan minat murid untuk belajar dan melakukan sesuatu aktiviti pembelajaran dengan bersungguh-sungguh yang muncul dari dalam diri mereka adalah terhad. Adalah diakui bahawa murid yang bermotivasi intrinsik akan melakukan sesuatu aktiviti atau tugas pembelajaran yang diberikan dengan baik kerana mereka percaya bahawa penglibatannya secara aktif akan membawa kepada keseronokkan yang dapat membantu mereka untuk memahirkan diri dengan pelbagai kemahiran, menganggap perlakuan mereka sebagai suatu tindakan yang murni dan membentuk proses pembelajaran bermakna dengan mengekalkan kesan pembelajaran tersebut untuk suatu tempoh yang lama (Noriati A.Rashid, Boon, & Sharifah Fakhriah Syed Ahmad, 2009; Suppiah Naciappan, Ramlah Jantan & Abdul Aziz Abdul Shukor, 2008). Maka, motivasi intrinsik dalam konteks pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas secara langsung dan tidak langsung dapat dipupuk melalui pelaksanaan pendekatan, strategi, kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Sehubungan dengan itu, adalah tidak dapat disangkal bahawa pembelajaran sejarah berdasarkan analisis sumber teks dapat merangsangkan murid-murid untuk meneroka dan menganalisis maklumat-maklumat sejarah daripada sumber-sumber sejarah yang bertindak sebagai medium pembelajaran (Cowgill & Waring, 2017; Nieuwenhuyse, Roose, Wils, Depaepe dan Verschaffel, 2017; Rantala & Vanden Berg, 2015; Patterson, Lucas, Kithinji, 2012; Pivkina, Ranjan & Loddr, 2009). Sungguhpun begitu, jurang pencapaian yang tidak seimbang antara murid berpencapaian tinggi dengan rendah, antara murid berkebolehan tinggi dengan kebolehan rendah, antara murid kecerdasan tinggi dengan rendah serta antara gaya belajar sequential dengan gaya belajar global yang melibatkan kepelbagaian aras pemikiran dan tahap kognitif murid yang telah dilaporkan dalam kajian-kajian lepas dalam bidang pendidikan sejarah (Nokes, 2014; 2017; Kaviza, 2018; Ling, Mona Masood & Siti Hawa Abdullah, 2016) telah menimbulkan terdapat satu keperluan kepada pengkaji untuk mengenal pasti sama ada ciri pemikiran memberi kesan terhadap penjanaan motivasi intrinsik yang masih belum diketahui lagi walaupun kedua-dua elemen tersebut didapati saling berkait dalam pembentukan tingkah laku yang positif yang melibatkan aspek murid, guru, kandungan, kaedah dan persekitaran pembelajaran (Badariah Hashim, Nurulhudan Abd Rahman & Razak Abd Samad Yahya, 2016; Chien-Chih et al, 2015; Marzieh, Hossein, Hamideh & Asma, 2011). Oleh itu, kajian ini bertujuan





untuk mengkaji kesan pembelajaran sejarah melalui analisis sumber-sumber teks terhadap motivasi intrinsik berdasarkan kemahiran berfikir kritis.

SOALAN KAJIAN

Soalan kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Adakah terdapat perbezaan min motivasi intrinsik bagi murid dalam kumpulan eksperimen berbanding dengan murid dalam kumpulan kawalan?
- ii. Adakah terdapat perbezaan min motivasi intrinsik bagi murid kemahiran berfikir kritis tinggi (murid KBKT) dalam kumpulan eksperimen berbanding dengan murid KBKT dalam kumpulan kawalan?
- iii. Adakah terdapat perbezaan min motivasi intrinsik bagi murid kemahiran berfikir kritis rendah (murid KBKR) dalam kumpulan eksperimen berbanding dengan murid KBKR dalam kumpulan kawalan?
- iv. Adakah terdapat sama ada terdapat kesan interaksi antara kaedah pengajaran dan kemahiran berfikir kritis murid terhadap min motivasi intrinsik?

HIPOTESIS KAJIAN

Hipotesis nul kajian ini adalah seperti berikut:

H_{o1} : Tidak terdapat perbezaan min motivasi intrinsik antara murid dalam kumpulan eksperimen berbanding dengan murid dalam kumpulan kawalan

H_{o2} : Tidak terdapat perbezaan min motivasi intrinsik antara murid KBKT dalam kumpulan eksperimen berbanding dengan murid KBKT dalam kumpulan kawalan

H_{o3} : Tidak terdapat perbezaan min motivasi intrinsik antara murid KBKR dalam kumpulan eksperimen berbanding dengan murid KBKR dalam kumpulan kawalan

H_{o4} : Tidak terdapat sama ada terdapat kesan interaksi antara kaedah pengajaran dan kemahiran berfikir kritis murid terhadap min motivasi intrinsik.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah eksperimental dengan rekabentuk faktorial 2 X 2 (Cook & Campbell, 1979) kerana melibatkan dua variabel tak bersandar yang dimanipulasikan iaitu kaedah pengajaran dan kemahiran berfikir kritis murid. Kajian ini melibatkan seramai 111 orang murid Tingkatan Empat dari dua buah sekolah menengah harian di sebuah negeri di utara Semenanjung Malaysia yang diwakili dengan empat buah kelas sedia ada sebagai sampel kajian ini melalui teknik persampelan bertujuan-rawak berstrata (Othman Talib, 2013). Murid-murid dalam kumpulan eksperimen dan kawalan telah ditadbirkan ujian pemikiran kritis lebih dahulu sebelum rawatan dimulakan. Justeru, murid KBKT (skor 0-40) dan murid KBKR (skor 41-80) telah ditentukan dan bilangan sampel kajian ini telah ditunjukkan pada Jadual 1. Instrumen kajian ini terdiri daripada soal selidik *Intrinsic Motivation Inventory* (Deci & Ryan, 1985) yang telah diterjemahkan daripada Bahasa Inggeris kepada Bahasa Melayu melalui teknik *back to back translation* dengan bantuan dua orang pakar bidang bahasa yang berpengalaman (Neuman, 2000). Kedua-dua instrumen tersebut telah disahkan oleh dua pakar penilai dalam bidang sejarah dan mempunyai nilai ketekalan dalaman iaitu 0.79 bagi ujian pemikiran kritis dan 0.91 bagi soal selidik *Intrinsic Motivation Inventory* yang dianggap baik dan boleh diterima dalam kajian ini (Nunnally, 1978). Pengkaji telah merekabentuk empat aktiviti analisis





sumber-sumber teks bagi topik Tamadun Awal Manusia sebagai intervensidalam kajian ini.Data kajian ini telah dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferensi iaitu ujian-t Sampel Tak Bersandar dan ujian *ANOVA* Dua Hala dengan menggunakan perisian “*IBM SPSS Statistics*” versi 24.

Jadual 1 Bilangan Sampel Kajian

	Eksperimen	Kawalan
Murid Kemahiran berfikir kritis tinggi (KBKT)	30 orang	28 orang
Murid Kemahiran berfikir kritis rendah (KBKR)	25 orang	28 orang
Jumlah	55 orang	56 orang

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Soalan Kajian dan Hipotesis Kajian 1

Min motivasi intrinsik adalah lebih tinggi bagi murid dalam kumpulan eksperimen ($M=3.83$, $SD=0.40$) berbanding dengan murid dalam kumpulan kawalan ($M=3.55$, $SD=0.46$). Berdasarkan keputusan ujian *Levene's* yang tidak signifikan ($F=0.52$, $p=0.47$), keputusan ujian-t sampel tak bersandar dalam Jadual 2 telah melaporkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan min motivasi intrinsik [$t(109)=3.31$, $p=0.00$] bagi murid dalam kumpulan eksperimen dan murid dalam kumpulan kawalan. Justeru, H_0 berjaya ditolak.Maka, dapat disimpulkan bahawa min motivasi intrinsik adalah berbezaan antara murid dalam kumpulan eksperimen berbanding dengan murid dalam kumpulan kawalan.Dapatkan kajian ini adalah konsisten dengan dapatan kajian Nokes, (2014) yang menjelaskan persepsi pembelajaran sejarah yang lebih dapat dipupuk apabila murud-murid dapat melibatkan diri secara aktif dengan proses pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan sumber dokumen bagi menjana proses pemahaman yang mendalam. Tambahan pula, dalam kajian yang dijalankan oleh Abdul Razaq Ahmad, Ahmad Ali Seman, Mohs Mahzan Awang & Fadzillah Sulaiman, (2015) turut melaporkan bahawa pengajaran dan pembelajaran sejarah berasaskan aplikasi Teori Kecerdasan Pelbagai adalah berkesan untuk meningkatkan motivasi belajar sejarah dalam kalangan murid-murid berpencapaian rendah di daerah Cheras, Selangor. Hal ini kerana keseronokkan belajar sejarah menyebabkan keinginan untuk belajar dari dalam diri murid-murid muncul secara semulajadi apabila mereka terdorong secara intrinsik dengan proses pembelajaran. Pendapat ini adalah konsisten dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Kaviza, Fauziah Abdul Rahim & Nurliyana Bukhari, (2018a) yang mendapati bahawa tahap kesediaan murid terhadap proses pembelajaran sejarah berasaskan sumber sejarah mempunyai hubungan yang signifikan dengan motivasi intrinsik yang menyokong dapatan kajian ini.

Jadual 2 Ujian-t Sampel Tak Bersandar bagi Perbezaan Min Motivasi Intrinsik untuk Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan

	Ujian-t bagi persamaan min							
	Ujian <i>Levene's</i>		<i>t</i>	<i>df</i>	<i>p</i>	Perbezaan min	Min ralat Piawai	99% selang keyakinan bagi perbezaan
	<i>F</i>	Sig.						Bawah atas
Perbezaan Min	0.52	0.47	3.13	109	0.00	0.27	0.08	0.11 0.44

Soalan Kajian dan Hipotesis Kajian 2

Min motivasi intrinsik adalah lebih tinggi bagi murid KBKT dalam kumpulan eksperimen ($M=3.91$, $SD=0.44$) berbanding dengan murid KBKT dalam kumpulan kawalan ($M=3.48$, $SD=0.42$). Berdasarkan keputusan ujian *Levene's* yang tidak signifikan ($F=0.06$, $p=0.80$), keputusan ujian-t Sampel Tak Bersandar dalam Jadual 3 telah melaporkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan





Motivasi intrinsik dan kemahiran berfikir kritis dalam pembelajaran sejarah berdasarkan analisis sumber-sumber teks: Satu kajian faktorial

min motivasi intrinsik [$t(56)=3.76, p=0.00$] bagi murid KBKT dalam kumpulan eksperimen dan murid KBKT dalam kumpulan kawalan. Justeru, H_0 berjaya ditolak. Maka, dapat disimpulkan bahawa min motivasi intrinsik adalah berbeza antara murid KBKT dalam kumpulan eksperimen berbanding dengan murid KBKT dalam kumpulan kawalan. Murid-murid yang mempunyai tahap kognitif yang lebih tinggi berupaya untuk membandingkan dan membuat penilaian secara kritis dan empirikal berdasarkan bukti-bukti yang kukuh sebelum suatu penjelasan dilakukan. Perkara ini bertepatan dengan pendapat yang diutarakan oleh Swartz, Costa, Beyer, Reagan & Kallick, (2008) yang telah menjelaskan kaedah pengajaran yang melibatkan elemen pemikiran dengan berkesan dapat membantu murid-murid untuk meningkatkan kualiti dan kapasiti pemikiran dan pembelajaran mereka, di samping dapat meningkatkan pencapaian akademik. Tambahan pula, daptan kajian ini adalah sealiran dengan kajian Nokes, (2017) yang telah mendapati bahawa murid berpencapaian tinggi telah mempermerken kebolehan dalam penulisan sejarah yang lebih baik berbanding dengan murid berpencapaian rendah dan kajian Nurul Hafizah Ma'arof, Nurul Suzaina Joli & Nur Nadia Lani, (2018) yang mendapati kecenderungan pelajar pintar, cerdas dan berbakat telah mempermerken persepsi minat belajar mata pelajaran sejarah yang lebih tinggi walaupun faktor jantina dan umur tidak didapati tidak mempengaruhinya secara langsung.

Jadual 3 Ujian-t Sampel Tak Bersandar bagi Perbezaan Min Motivasi Intrinsik untuk Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan (Murid KBKT)

	Ujian-t bagi persamaan min							
	Ujian Levene's		t	df	p	Perbezaan min	Min ralat Piawai	99% selang keyakinan bagi perbezaan
	F	Sig.						Bawah Atas
Perbezaan Min	0.06	0.80	3.76	56	0.00	0.43	0.11	0.21 0.66

Soalan Kajian dan Hipotesis Kajian 3

Min motivasi intrinsik adalah lebih tinggi bagi murid KBKR dalam kumpulan eksperimen ($M=3.72, SD=0.33$) berbanding dengan murid KBKR dalam kumpulan kawalan ($M=3.62, SD=0.51$). Berdasarkan keputusan ujian *Levene's* yang tidak signifikan ($F=2.58, p=0.11$), keputusan ujian-t Sampel Tak Bersandar dalam Jadual 4 telah melaporkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan min motivasi intrinsik [$t(51)=0.78, p=0.44$] bagi murid KBKR dalam kumpulan eksperimen dan murid KBKR dalam kumpulan kawalan. Justeru, H_0 gagal ditolak. Maka, dapat disimpulkan bahawa min motivasi intrinsik adalah sama antara bagi murid KBKR dalam kumpulan eksperimen berbanding dengan murid KBKR dalam kumpulan kawalan. Sungguhpun begitu, daptan kajian ini adalah bertentangan dengan daptan kajian Nokes, (2014) yang telah melaporkan bahawa murid berkecerdasan biasa dapat meningkatkan kebolehan memproses sumber teks yang lebih tinggi dan baik berbanding dengan murid yang mengikuti pengajaran sedia ada. Hal ini kerana murid-murid berpencapaian rendah kurang didedahkan dengan aktiviti pembelajaran yang mencabar, kompleks dan sukar yang melibatkan kemahiran berfikir aras tinggi kerana dikhawatir mereka tidak mampu melakukannya walaupun kemahiran berfikir aras tinggi, khususnya kemahiran pemikiran sejarah dalam mata pelajaran didapati mempunyai hubungan linear positif yang tinggi dengan motivasi intrinsik (Kaviza et al, 2018b).

Jadual 4 Ujian-t Sampel Tak Bersandar bagi Perbezaan Min Motivasi Intrinsik untuk Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan (Murid KBKR)

	Ujian-t bagi persamaan min							
	Ujian Levene's		t	df	p	Perbezaan min	Min ralat Piawai	99% selang keyakinan bagi perbezaan
	F	Sig.						Bawah Atas
Perbezaan Min	2.58	0.11	0.78	51	0.44	0.09	0.12	-0.14 0.33





Soalan Kajian dan Hipotesis Kajian 4

Berdasarkan keputusan ujian *Levene's* yang tidak signifikan ($F(3, 107)=1.01, p=0.39$), keputusan ujian *ANOVA* Dua Hala pada Jadual 5 yang dijalankan menunjukkan bahawa terdapat kesan utama kaedah pengajaran [$F(1, 107)=10.46, p = 0.02, \eta^2 = 0.09$] yang signifikan, manakala tidak terdapat kesan utama kemahiran berfikir kritis murid [$F(1, 107)=0.08, p=0.77, \eta^2=0.01$] yang signifikan terhadap min motivasi intrinsik. Seterusnya, terdapat kesan interaksi yang signifikan antara kaedah pengajaran dan kemahiran berfikir kritis murid terhadap min motivasi intrinsic [$F (1, 107) =4.42, p=0.04, \eta^2=0.55$]. Justeru, H_0 berjaya ditolak. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa kaedah pengajaran dan tahap pemikiran kritis adalah saling mempengaruhi min motivasi intrinsik. Dapatkan kajian ini adalah selari dengan kajian yang dijalankan oleh Kaviza, (2018b) yang telah mendapati bahawa penggunaan teknik *peer instruction* dengan pendekatan kelas *flipped* tahap pencapaian murid didapati mempengaruhi pencapaian pemahaman konsep sejarah dalam kalangan murid Tingkatan Empat. Tambahan pula, dapatkan kajian ini juga disokong dengan kajian yang dijalankan oleh Mohd Ali Samsudin, Kamisah Osman dan Lilia Halim (2007) yang telah mendapati bahawa kaedah pembelajaran mempunyai mekanisme yang berbeza dalam mendatangkan kesan yang signifikan terhadap peningkatan kemahiran penaakulan dan kebolehan murid dalam mata pelajaran fizik. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa kaedah pengajaran yang dirancang dengan sistematik dengan mengambil kira ciri-ciri psikologi sama ada dari aspek kognitif, psikologi dan afektif murid dapat membantu pencapaian matlamat dan hasil pembelajaran yang dihasratkan dengan lebih berkesan.

Jadual 5 Keputusan Ujian Kesan Variabel Antara Subjek

Sumber	Jumlah kuasa Dua Jenis III	Darjah kebebasan	Min Kuasa Dua	F	Sig	Partial Eta Squared
Model diperbetulkan	2.78	3	0.96	5.24	0.00	0.92
Pintasan KAEDAH	1500.71	1	1500.77	8189.47	0.00	1.00
MURID	1.89	1	1.92	10.46	0.00	0.89
KAEDAH*MURID	0.04	1	0.02	0.08	0.77	0.06
Ralat	0.69	1	0.81	4.42	0.04	0.55
Jumlah	19.71	107	10.18			
Jumlah diperbetulkan	1532.31	111				
	22.49	110				

Pada aras kesignifikan 0.05

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa pembelajaran sejarah berdasarkan analisis sumber teks memberikan kesan positif terhadap motivasi intrinsik berdasarkan kemahiran berfikir kritis murid. Pengintegrasian aktiviti pembelajaran sejarah berdasarkan analisis sumber-sumber teks yang bersesuaian dan relevan dengan tahap kemahiran berfikir kritis adalah berupaya untuk meningkatkan motivasi intrinsik dengan lebih berkesan dalam kalangan murid. Hal ini kerana konstruk-konstruk dalam motivasi intrinsik seperti minat, kompeten, usaha dan nilai dapat dipertingkatkan apabila murid-murid terlibat dengan proses membanding, membeza, menilai, mengkonsepsikan dan sebagainya yang dikaitkan dengan elemen kognitif dan metakognitif melalui aktiviti pembelajaran sejarah berdasarkan analisis sumber-sumber teks. Aktiviti pembelajaran sejarah berdasarkan analisis sumber-sumber teks yang dirancang secara sistematik dan teratur dapat meningkatkan kefahaman, kebolehan dan keyakinan murid-murid dalam proses pembelajaran. Oleh itu, adalah dicadangkan kepada guru-gurusejarah untuk merancang dan melaksanakan aktiviti pembelajaran berdasarkan analisis sumber-sumber teks pada semua peringkat persekolahan.





RUJUKAN

- Abdul Rahim Abdul Rashid. (2000). *Model dan Pendekatan Pengajaran Sejarah KBSM*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Abdul Razaq Ahmad, Ahmad Ali Seman, Mohd Mahzan Awang & Fadzilah Sulaiman. (2015). Application of Multiple Intelligence Theory to Increase Student Motivation in Learning History. *Asian Culture and History*, 7(1), 210-219.
- Ambika Luhitadati, Maskun & Suparman Arif. (2017). Hubungan Motivasi Berprestasi dengan Hasil Belajar Siswa pada Mata Pelajaran Sejarah. *Jurnal Pendidikan dan Penelitian Sejarah*, 5(8), 1-12.
- Apaolaza-Liorente, D., & Arguero, B.E. (2019). Doing history: Historical sources and active methodologies to foster historical thinking in secondary school. *ENSAYOS: Revista de la Facultad de Education de Albacete*, 34(1), 29-40.
- Arends, R.I. (2001). *Learning To Teach*. Boston: McGraw Hill.
- Badariah Hashim, Nurulhuda Abd Rahman, & Razak Abd Samad Yahya. (2016). Kesan teknik penyebatian kemahiran berfikir terhadap motivasi intrinsik murid dalam tajuk haba, fizik tingkatan empat. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 10, 118-136.
- Chien-Chih, C., Mei-Yao, H., Chung, J.H., Frank, J.H, Lu, Hsiu-Yu, T. (2015). The mediating role of critical thinking on motivation and peer interaction for motor skills performance. *International Journal of Sport Psychology*, 46, 391-408.
- Ch'ng, S. H. (2005). *Penggunaan ICT Untuk Memperkembangkan Pengetahuan, Kreativiti Dan Minat Terhadap Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat*. Tesis Sarjana Universiti Malaya.
- Claravall, E.B. (2017). Thinking like historian: Developing disciplinary literacy in history among middle school struggling readers. *Literacy Today, July / August*, 32-33.
- Colby, S.R. (2008). Energizing the history classroom: Historical narrative inquiry and historical empathy. *Social Studies Research and Practice*, 3(3), 60-79.
- Cook, T. D., & Campbell, D.T. (1979). *Quasi-Experimentation: Design and Analysis Issues for Field Settings*. Chicago: Rand McNally.
- Cowgill II, D.A., & Waring, S.M. (2017). Historical thinking: An evaluation of student and teacher ability to analyze sources. *Journal of Social Studies Education Research*, 8(1), 115-145.
- Deci, E. L. & Ryan, R. M. (1985). *Intrinsic Motivation and Self-Determination of Human Behavior*. New York: Plenum.
- Fadzilah Sulaiman (2010). *Keberkesanan Aplikasi Teori Kecerdasan Pelbagai Untuk Meningkatkan Pencapaian Dan Motivasi Pelajar Berpencapaian Akademik Rendah Dalam Mata Pelajaran Sejarah*. Tesis Sarjana Universiti Kabangsaan Malaysia.
- Froiland, J.M., Oros, E., Smith, L., & Hirchert, T. (2012). Intrinsic motivation to learn: The nexus pscychological health and academic success. *Contemporary School Psychology*, 16, 91-100.
- Godwin, K.A., & Quilan, K.M. (2019). How do we integrate skills and content in classics? An inquiry into student's use of sources. *Arts and Humanities in Higher Education*, 1-21.
- Gomez, C.J., & Saiz, J. (2017). Narrative inquiry and historical skills: A study in teacher training. *Revista Electronica de Investigacion Educativa*, 19(4), 19-32
- Hazri Jamil. (2003). *Teknik mengajar Sejarah*. Pahang: PTS Publications & Distributors
- Kaviza, M. (2018a). Penggunaan sumber sejarah sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran sejarah: Adakah murid sudah bersedia untuk meneroka? *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 3(5), 41-47.
- Kaviza, M. (2018b). Kesan penggunaan teknik *peer instruction* dengan pendekatan kelas *flipped* terhadap pencapaian pemahaman konsep sejarah. *Journal of ICT in Education*, 5, 14-26.
- Kaviza, M. (2019). Motivasi intrinsik dalam kalangan murid tingkatan empat yang mengambil mata pelajaran sejarah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(31), 215-224.
- Kaviza, M., Fauziah Abdul Rahim, & Nurliyana Bukhari. (2018a). Hubungan antara kesediaman dalam pembelajaran berdasarkan sumber-sumber sejarah dengan motivasi intrinsik. *Jurnal pendidikan Bitara UPSI*, 11, 52-63
- Kaviza, M., Fauziah Abdul Rahim, & Nurliyana Bukhari. (2018b). Aplikasi kemahiran pemikiran sejarah dalam mata pelajaran sejarah dan hubungannya dengan motivasi intrinsik: Satu kajian korelasi. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 33, 95-108.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Library of Congress. (2019). Using Primary Sources. Retrieved from <http://www.loc.gov/teachers/usingprimarysources/>





- Lily Hanefarezan Asbulah, Maimun Aqsha Lubis, Ashinida Aladdin & Musab Sahrim. (2018). Tahap motivasi holistik, intrinsik dan ekstrinsik terhadap pembelajaran kosa kata bahasa arab dalam kalangan graduan universiti awam. *Asia Pacific Journal of Educator and Education*, 33, 75-93.
- Ling, W.A., & Mona Massod., & Siti Hawa Abdullah. (2016). Analysing the relationship of sequential and global learning styles on students' historical thinking and understanding: A case study on form four secondary school students in Malaysia. *International Journal of Assessment and Evaluation in Education*, 6, 51-58.
- Lorimer, M.R. (2019). Engaging adolescent struggling readers through decision making role play simulation: Using primary source documents. *Reading & Writing Quarterly*, 35(3), 193-203.
- Marzieh, D., Hossein, J.S, Hamideh, P. & Asma, M. (2011). Relationship between student's critical thinking and self efficacy belief in Ferdausi University of Mashhad. *Procedia Social & Behavioral Sciences*, 15, 2952-2955.
- Mohd Ali Samsudin, Kamisah Osman & Lilia Halim (2007). Kesan penggunaan perancangan kognitif dalam pembelajaran berdasarkan masalah terhadap strategi metakognitif, pemikiran saintifik dan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran fizik. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 27(1), 101-118.
- Mohd Hazli Yah@Alias & Maimun Asqha Lubis, (2018). Motivasi intrinsik dan ekstrinsik pelajar dalam aktiviti kemahiran membaca teks arab. *Global Journal Al Thaqafah*, 8(2), 1-12.
- Nersater, A. (2019). Student's understanding of historical sources: A composite ability. *NORDIDACTICA-Journal of Humanities and Social Scence Education*, 1, 105-131.
- Neuman, W. L. (2000). *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches* (4th Ed). Boston: Allyn and Bacon
- Nieuwenhuyse, K.V., Roose, H., Wils, K., Depaepe, F., Verschaffel, L. (2017). Reasoning with and /or about sources? The use of primary sources in Flemish secondary school history education. *Journal of Historical Consciousness, Historical Cultures And History Education*, 48-70.
- Nokes, J.D. (2014). Elementary students' roles and epistemic stances during document based history lessons. *Theory & Research in Social Education*, 42, 375-413.
- Nokes, J.D. (2017). Exploring patterns of historical thinking through eight-grade students' argumentative writing. *Journal of Writing Research*, 8(3), 437-467.
- Noriati A. Rashid, Boon, P.Y., & Sharifah Fakhriah Syed Ahmad. (2009). *Murid dan Alam Belajar*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn Bhd
- Nunnally, J. C. (1975). The study of change evaluation /research: principles concerning measurement experimental design and analysis. Dlm. Struening, E. L. & Guttentag, M. (Pynt.). *Handbook of Evaluation Research*, Hlm. 231-272. Beverly Hills: Sage Merrill.
- Nurcabyo, E., & Djono, L.A.S. (2018). The implementation of discovery learning model with scientific learning approach to improve students' critical thinking in learning history. *International Journal of Multicultural and Multireligious Understanding*, 5(3), 106-112.
- Nurul Hafizah Ma'arof, Nurul Suzaina Joli & Nur Nadia Lani, (2018). Tinjauan kecenderungan pelajar pintar, cerdas dan berbakat dalam subjek sejarah Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(20), 51-64.
- Omardin Haji Ashaari & Yunus Muhammad. (1996). *Kaedah Pengajaran Sejarah*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributor Sdn Bhd.
- Othman Talib. (2013). *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan & Statistik*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Patterson, N.C., Lucas, A.G., & Kithinji, M. (2012). Higher order thinking in social studies: an analysis of primary source document use. *Social Studies Research and Practice*, 7(2), 68-85
- Pintrich, P., & Schunk, D. (1996). *Motivation in Education: Theory, Research and Application*. New York: Prentice Hall.
- Pivkina, I., Ranjan, D., & Loddr, J. (2009). *Historical Sources as a Teaching Tool*. Kertas kerja yang dibentangkan di SIGCSE'09, March 3-7, Chattanooga, Tennessee, USA.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2003). *Huraian Sukatan Pelajaran Tingkatan Empat*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2015). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan Satu*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Puustinen, M & Khawaja, A. (2020). Envisaging the alternatives: From knowledge of the powerful to powerful knowledge in history classrooms. *Journal of Curriculum Studies*, 1-16.
- Rantala, J. & Van Den Berg, M. (2015). Finnish high school and university students' ability to handle multiple source documents in history. *Historical Encounters: A Journal of Historical Consciousness, Historical Cultures and History Education*, 2(1), 70-88.
- Rautiatinen, M., Raikonen, E., Veijola, A., & Mikkonen, S. (2019). History teaching in Finnish general upper secondary schools: Objectives and practices. *History Education Research Journal*, 16(2), 291-305.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Motivasi intrinsik dan kemahiran berfikir kritis dalam pembelajaran sejarah berdasarkan analisis sumber-sumber teks: Satu kajian faktorial

- Reisman, A. (2012). The “Document-Based Lesson”: Bringing Disciplinary inquiry into high school history classrooms with adolescent struggling readers. *Journal of Curriculum Studies*, 44(2), 233-264.
- Reisman, A., & Fogo, B. (2016). Contributions of educative document based curricular materials to quality of historical instruction. *Teaching and Teacher Education*, 59, 191-202.
- Ryan, R.M., & Deci, E.L. (2001). On happiness and human potentials: A review of research on hedonic and eudaimonic well-being. *Annual Review of Psychology*, 52, Palo Alto: Annual reviews.
- Stipek, D.J. (1993). *Motivation To Learn: From Theory To Practice* (2nd Ed). USA: Allyn & Bacon.
- Suppiah Nachiappan, Kamarulzaman Kamaruddin, Abdul Aziz Abdul Shukor, Ramlah Jantan, Roslinda Mustapha & Hazalizah Hamzah. (2009). *Pembelajaran dan Perkembangan Pelajar*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Suppiah Nachiappan, Ramlah Jantan & Abdul Aziz Abdul Shukor. (2008). *Psikologi Pendidikan*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Swartz, R. J., Costa, A. L., Beyer, B. K., Reagan, R., & Kallick, B. (2008). *Thinking-Based Learning: Promoting Quality Student Achievement in the 21st Century*. New York, London: Teachers College Press.
- Wang, H-C, Hicks, D., Quiley, P., & Luther, K. (2019). Read-agree-predict: A crowdsourced approach to discovering relevant primary sources for historians. *Human Computation*, 6(1), 147-175.
- Wiley, J., Griffin, T.D., Steffens, B., & Britt, M.A. (2019). Epistemic belief about the value of integrating information across multiple documents in history. *Learning & Instruction*, 65, 1-16.
- Wineburg, S. (1991). Historical problem solving: A study of the cognitive processes used in the evaluation of documentary and pictorial evidence. *Journal of Educational Psychology*, 83, 73-87.
- Wineburg, S., & Reisman, A. (2015). Disciplinary literacy in history: A toolkit for digital citizenship. *Journal of Adolescent and Adult Literacy*, 58(8), 636-639.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi